

Pendekatan Bermain dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu bagi Murid Sindrom Down

(Fun Learning in Malay Language Teaching and Learning among Down Syndrome Students)

Che Saifull Irwan Che Hussin^{1*}, Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad^{1*}

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

*Pengarang Koresponden: saifulirwan93@gmail.com, munaruzanna@ukm.edu.my

Accepted: 15 April 2022 | Published: 1 May 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.35>

Abstrak: Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti pendekatan kaedah pengajaran yang dilaksanakan serta menentukan kaedah pengajaran yang menjadi pilihan dan digemari oleh murid di salah sebuah Rumah Persatuan Sindrom Down di Kuala Lumpur. Kajian ini menggunakan tiga kaedah pengajaran iaitu nyanyian, kinestetik dan verbal linguistik. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam pengumpulan data. Seramai 23 orang peserta telah dijadikan sebagai peserta kajian. Instrumen borang maklum balas terhadap kaedah pengajaran telah digunapakai sebagai alat pengumpulan data. Pelaksanaan aktiviti yang menggunakan ketiga-tiga kaedah pengajaran menunjukkan murid lebih menguasai dalam kaedah nyanyian. Walaupun begitu, murid masih menunjukkan penguasaan yang baik dalam kaedah kinestetik dan verbal linguistik. Oleh itu, murid perlu didedahkan dengan pelbagai kaedah pengajaran supaya penguasaan bahasa dalam proses pembelajaran tidak terbatas. Sebagai guru adalah menjadi tanggungjawab untuk mengenal latar belakang peribadi, minat dan kecenderungan murid ketika di dalam kelas. Kepelbagaian bahan dan kreativiti guru menjadi asas ketika proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas.

Kata kunci: Pendekatan bermain, pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, murid keperluan khas Sindrom Down.

Abstract: The study was conducted to determine the teaching method used and preferred by the students in one of the Down Syndrome Association houses in Kuala Lumpur. This study used three teaching methods which include singing, kinaesthetics and verbal linguistics. This study used a qualitative approach to data collection. The study consists of 23 participants comprise of male and female students aged 3 to 10 years. Feedback forms on the teaching methods used are used in this study. The data are collected as a result of implementing activities using the three teaching methods, the students are more proficient in the method of singing. However, students are still proficient in the kinesthetic and verbal methods of linguistics. Therefore, these students need to be exposed to different teaching methods so that their mastery is not limited in the learning process. As teachers, it is our duty to get to know their personal backgrounds, interests and inclinations in the classroom. The variety of materials and the creativity of teachers are essential to the teaching and learning process in the classroom.

Keywords: Approach playing, teaching and learning of Malay language, special needs students with Down Syndrome.

1. Pengenalan

Bab ini membincangkan maklumat latar belakang kajian yang akan dijalankan, diikuti dengan pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian dan kepentingan kajian. Dalam sistem pendidikan negara, proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam pendidikan awal kanak-kanak adalah lebih berkesan jika dilakukan melalui aktiviti bermain kerana bermain adalah sebahagian daripada dunia kanak-kanak. Menurut Moyles (2005) bermain adalah pengalaman pengajaran dan pembelajaran yang terbaik dan menjadi keutamaan dalam pendidikan awal kanak-kanak. Menurut Sharifah Nor dan Aliza (2011) melalui aktiviti bermain sesuatu permainan, kanak-kanak belajar tentang persekitaran dan memahami isu yang berlaku di sekeliling dalam keadaan yang menggembirakan. Apabila kanak-kanak seronok belajar sesuatu perkara, mereka terus berminat untuk mengambil bahagian dalam pembelajaran, kesannya tumpuan kepada sesuatu perkara menjadi semakin baik.

Semua peringkat usia kanak-kanak suka bermain. Bermain adalah fitrah kanak-kanak sejak dahulu lagi. Kanak-kanak adalah insan yang sangat istimewa. Dalam proses pembesaran, terdapat pelbagai jenis kanak-kanak yang membesar dengan sempurna atau sebaliknya. Ramai yang pernah mendengar tentang penyakit Sindrom Down (SD). SD ialah penyakit keturunan. Kanak-kanak SD yang telah diklasifikasikan sebagai trasonomi 21 berpunca dari factor kelemahan kromosom yang sering mengalami masalah kesukaran dan kelewatan perkembangan bahasa dan kognitif (Selokowitz 1999).

Penyakit SD juga berlaku sejak lahir lagi akibat kelainan pada kromosom. Sindrom bermaksud kumpulan ciri-ciri pada individu yang dikenal pasti wujud pada masa yang sama. Kongenital pula bermaksud sesuatu yang wujud sewaktu lahir dan tidak diperoleh selepas kelahiran. (Puteri Roslina 2008). Oleh itu, kanak-kanak SD perlu pendidikan khas seawal mungkin agar membantu mereka berdikari (Siti Zuraidah 2009). Menurut Sharifah Nor dan Aliza (2011), aktiviti bermain adalah penting untuk perkembangan kanak-kanak dan sememangnya kanak-kanak gemar bermain dengan pelbagai cara. Malahan, proses perkembangan kanak-kanak belajar kemahiran tentang dunia di sekeliling mereka dengan efektif melalui bermain. Malahan, dengan bermain ini juga memberi ruang dan meningkatkan keupayaan kanak-kanak memahami dunia di sekelilingnya semakin meningkat. Sebaik sahaja kanak-kanak memahami konsep baharu dan melakukannya secara berulang-ulang semasa bermain, mereka kemudiannya menguasai konsep pada peringkat yang seterusnya. Oleh itu, melalui aktiviti bermain dalam sesuatu permainan, kanak-kanak akan mempelajari tentang persekitaran dan memahami isu yang berlaku di sekeliling dalam keadaan yang menggembirakan.

Latar Belakang Kajian

Pendekatan bermain ini merupakan satu teknik pengajaran yang mudah difahami, menyeronokkan dan di aplikasikan di peringkat sekolah rendah dan menengah pada masa kini. Ini merupakan satu usaha menarik minat murid untuk belajar dan menerima ilmu dengan mudah. Menurut kajian Chew et al. (2020), pendekatan bermain semasa pengajaran dan pembelajaran murid prasekolah berada pada tahap yang tinggi dan terdapat hubungan antara sikap dan motivasi guru dengan pelaksanaan pendekatan bermain ini. Melalui strategi didik hibur juga memudahkan pengajaran dan murid dapat mengingat apa yang disampaikan semasa pengajaran dan pembelajaran di jalankan di kelas (Chew et al. 2020).

Berdasarkan kandungan Kurikulum Bahasa Melayu dalam Program Pendidikan Khas diasaskan berdasarkan keupayaan individu, mengikut tahap fungsian mereka. Manakala,

komunikasi verbal pula melibatkan penggunaan bahasa. Oleh sebab murid SD mempunyai tahap dan daya ingatan yang singkat yang dihubungkan dengan keberkesanan pertuturan dan penghasilan bunyi (Puteri Roslina 2014). Pendekatan bermain dilihat sebagai satu medium yang terbaik untuk menyampaikan ilmu kepada murid SD ini. Menurut kajian Sharifah Nor dan Aliza (2011) yang melihat pendekatan aktiviti permainan dari segi perkembangan kognitif mendapati kanak-kanak teruja dengan aktiviti permainan, terlibat secara aktif, berasa seronok dan kreatif. Terdapat pelbagai jenis permainan yang dilakukan kanak-kanak semasa bermain. Bagi murid SD sememangnya memerlukan masa yang agak lama untuk mengaitkan kata dengan makna. Pembelajaran lebih kepada bentuk visual apabila guru menggunakan gambar yang maujud untuk mengaitkan kata dengan makna yang hendak disampaikan (Puteri Roslina 2014).

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid SD, perkembangan motor kasar dan motor halus juga penting dalam perkembangan tumbesaran kanak-kanak SD. Hal ini dikatakan demikian kerana kemahiran motor kasar memerlukan bantuan banyak otot dan membolehkan bayi bergerak balas dengan persekitarannya, seperti merangkak, berdiri dan berjalan. (Puteri Roslina 2014). Oleh itu, jelaslah bahawa dalam pengajaran dan pembelajaran, melalui pendekatan bermain dengan melibatkan aspek nyanyian, kinestetik dan verbal linguistik memudahkan murid mempelajari sesuatu perkara.

Pernyataan Masalah

Murid SD merupakan kanak-kanak yang mengikuti pengajaran dan PdP murid berkeperluan khas. PdP murid SD dijalankan secara perlahan dan memerlukan kesabaran yang tinggi. Murid berkeperluan khas SD ini mempunyai tahap pemikiran dan daya ingatan yang agak perlahan dan singkat. Pengajaran lebih berkesan dengan peniruan pertuturan dan penghasilan bunyi. (Puteri Roslina Abdul Wahid, 2014). Melalui pendekatan bermain dilihat sebagai satu medium yang terbaik untuk menyampaikan ilmu kepada murid SD ini.

Menurut kajian Sharifah Nor dan Aliza (2011) kajian yang dijalankan menjelaskan bahawa dalam peringkat usia perkembangan kanak-kanak melihat aktiviti bermain merangsang fungsi otak yang dapat memupuk proses perkembangan kognitif, sosial, emosi dan fizikal kanak-kanak. Semasa bermain, kanak-kanak berinteraksi dengan rakan sebaya ataupun orang dewasa melalui perbincangan dan soal jawab. Melalui pergaulan, secara tidak langsung kanak-kanak akan belajar berkomunikasi, berinteraksi dan menyesuaikan diri dengan persekitaran melalui bermain. Melalui bermain mereka berinteraksi dengan orang lain dan dapat menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran. Namun kajian ini memfokuskan kepada peringkat kanak-kanak di prasekolah.

Menurut Puteri Roslina (2014) menjelaskan bahawa murid SD ini agak perlahan dan sukar untuk menerima sesuatu yang dipelajari dengan mudah. Daya ingatan mereka juga agak perlahan dan perlu dilakukan berulang kali pengulangan sebutan dan peniruan sesuatu perbuatan untuk mereka belajar. Menurut Christie dan Roskos (2009) berpandangan bahawa terdapat hubungan aktiviti bermain dengan persekitaran permainan dalam pemupukan kemahiran literasi. Walau bagaimanapun setakat ini, masih kekurangan maklumat tentang kajian dalam pengajaran dan pembelajaran murid SD. Kajian yang terdapat tentang SD adalah masalah yang dihadapi, teknik pengajaran dan penggunaan bahan bantu mengajar untuk murid SD. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini akan memberikan penekanan kepada pendekatan bermain yang melibatkan teknik nyanyian, verbal linguistik dan kinestetik yang menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih menarik, menyeronokkan dan murid berasa gembira serta seronok ketika belajar.

Tujuan Dan Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat pendekatan bermain semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid SD. Objektif kajian ini ialah:

- 1) Mengetahui pelaksanaan pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu murid berkeperluan khas SD.
- 2) Menentukan kecenderungan jenis permainan mengikut jantina lelaki dan perempuan murid berkeperluan khas SD.
- 3) Mengetahui jenis permainan yang paling digemari oleh murid berkeperluan khas SD.

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dijalankan untuk melihat pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu murid berkeperluan khas SD di sebuah rumah Persatuan Sindrom Down. Murid SD sememangnya sangat istimewa dan memerlukan teknik pengajaran yang menarik untuk menarik minat mereka untuk belajar di dalam kelas. Peringkat awal proses pembelajaran kanak-kanak, aktiviti bermain dapat meningkatkan kemahiran bahasa kanak-kanak melalui beberapa cara. Kanak-kanak belajar kemahiran tentang dunia di sekeliling mereka dengan efektif melalui bermain. Melalui permainan seperti nyanyian, kinestetik dan verbal linguistik ini dapat menarik minat murid SD untuk belajar sambil bermain.

Selain itu, melalui kajian ini juga menyedarkan guru bahawa kaedah belajar sambil bermain dapat membantu guru semasa dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji juga ingin menentukan antara ketiga-tiga jenis permainan ini, murid SD ini kecenderungan memilih permainan yang disukai itu berdasarkan jantina lelaki atau perempuan. Jenis permainan juga mempengaruhi minat mengikut jantina. Seterusnya, dalam kajian ini, pengkaji juga ingin mengetahui jenis permainan antara ketiga-tiga permainan itu yang digemari oleh murid SD. Oleh itu, hasil dapatan tersebut dapat membantu guru memberikan penekanan yang lebih kepada murid-murid dalam usaha untuk memberikan ilmu pengetahuan kepada mereka.

2. Soratan Literature

Kajian Tentang Pendekatan Bermain

Kajian yang dijalankan oleh Chew et al. (2020) iaitu kajian pelaksanaan pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran murid prasekolah, mengetahui pelaksanaan pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu murid prasekolah serta membuat menganalisis hubungan antara sikap dan motivasi guru dengan pelaksanaan pendekatan bermain. Sikap dan motivasi guru terhadap pelaksanaan pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu murid Prasekolah berada pada tahap tinggi. Selain itu, terdapat hubungan signifikan antara sikap dan motivasi guru dengan pelaksanaan pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu murid prasekolah.

Menurut Aliza et al. (2013) iaitu kajian tentang isu tentang pendekatan belajar melalui bermain bagi pengajaran dan pembelajaran bahasa kanak-kanak prasekolah mengetahui tahap pemahaman guru dan isu tentang pendekatan belajar bermain bagi pengajaran dan pembelajaran bahasa kanak-kanak prasekolah. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui pelaksanaan dan membincangkan isu dan kekangan yang menghalang guru daripada melaksanakan pendekatan belajar melalui bermain dari aspek perkembangan bahasa. Dalam hasil kajian ini menunjukkan guru mempunyai tahap pemahaman yang tinggi tentang pendekatan bermain tetapi hasil temubual mendapati kebanyakan mereka tidak melaksanakan pendekatan ini kerana kekangan masa, masalah pengurusan bahan, kawalan murid, ruang tidak sesuai, kurang mahir dan tidak mendapat sokongan pentadbir dan ibu bapa.

Pendidikan awal merupakan satu bentuk pembelajaran yang baik kepada kanak-kanak. Dalam konteks pembelajaran SD, kanak-kanak diajar untuk bertutur dahulu sebagai permulaan dalam pendidikan (Zuriahwati 2012). Kebanyakan kanak-kanak SD mengalami masalah dalam pertuturan (Sigman dan Ruskin 1999). Pertuturan yang betul merupakan asas dalam komunikasi bagi memudahkan interaksi antara pengajar dengan kanak-kanak SD. Penggunaan alat artikulasi yang dipilih adalah bersesuaian dengan masalah kanak-kanak ini. Sebagai permulaan, kanak-kanak ini akan diajar mengeluarkan bunyi dari peti suara mereka menggunakan huruf yang mudah untuk disebut dan dalam suasana permainan yang santai (Kumin 2003; Napoli et al. 1996). Kanak-kanak SD memerlukan satu suasana yang baik memandangkan mereka ini mudah berubah emosi.

Bentuk komunikasi memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran kanak-kanak SD (Sigman dan Ruskin, 1999). Pada peringkat ini, guru perlu banyakkkan bercakap dalam nada yang tersusun supaya mudah untuk dipelajari oleh kanak-kanak SD. Dalam komunikasi antara guru dan pelajar, guru bukan sahaja memainkan peranan dengan bertutur malahan perlu memainkan mimik muka, pergerakan badan dan juga pandangan mata (Kumin, 2003; Littlejohn dan Foss, 2008).

Menurut Suraya (2012), dalam kajian kes beliau mengenai kanak-kanak SD mendapati bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi kanak-kanak Sindrom Down ini perlulah pelbagai iaitu tidak boleh tertumpu kepada satu kaedah sahaja. Ini adalah kerana kanak-kanak ini mudah jemu dan cepat bosan sekiranya diberikan satu bentuk kaedah. Guru pembimbing perlulah mahir dengan konsep pembelajaran sebelum menyampaikan isi pelajaran supaya guru mendapat idea untuk merangka bahan bantu mengajar bagi memudahkan kanak-kanak SD ini memahami sesuatu pembelajaran (Kochhar dan West 1996). Kanak-kanak Sindrom Down walaupun kelihatan cacat dan lemah serta lambat dari segi kognitif dan psikomotor, namun apabila penggunaan bahan bantu mengajar yang pelbagai dapat membantu mereka mempelajari perkara baharu (Wigram dan De Backer, 1999; Wilmot, 2004).

Sebagai permulaan, Nordin Tahir (2010), menyarankan guru-guru mengajar kanak-kanak ini mengingati perkara-perkara yang mudah. Jadi apabila diperkenalkan dengan sesuatu nombor yang sukar, kanak-kanak ini telah terdidik dalam mengingati bentuk matematik. Guru-guru boleh mengajar mengenal 1 hingga 5 dahulu dan disusuli 6 hingga 10 selepas kanak-kanak itu telah berjaya mengenal dan menghafal nombor. Pada peringkat permulaan agak sukar. Oleh sebab itu, bahan bantu mengajar perlu direka agar pengajaran menjadi mudah dan kanak-kanak Sindrom Down ini tidak mudah jemu (Napoli et al.1996). Pendekatan sama padan juga adalah sesuai kerana kanak-kanak Sindrom Down ini boleh untuk membuat perbezaan (Caycho et al. 1991).

Masalah kemahiran berfikir ini telah mereka alami sejak daripada kecil lagi (Bird dan Buckey, 1994). Jika masalah ini tidak diatasi dan juga tidak dirawat, kanak-kanak SD akan terdedah kepada pelbagai masalah lain lagi seperti pertuturan, tumpuan yang singkat, masalah tingkah laku, masalah kefahaman dan sebagainya (Learning Disabilities Association of America, 2001). Bagi mengatasi masalah ini, pelbagai inisiatif perlu diambil untuk membantu kanak-kanak Sindrom Down.

3. Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah perancangan dan strategi utama dalam menjawab persoalan kajian yang dikemukakan menerusi prosedur pengumpulan dan analisa data (Cohen et al. 2018). Kajian ini merupakan kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif. Penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif dalam kajian ini untuk meneroka pendekatan bermain kerana kesesuaian untuk menerokai bidang yang kurang diselidiki sebelum ini dan dapat memberi kefahaman terperinci tentang fenomena yang dikaji (Creswell, 2002). Kajian kuantitatif mempunyai batasan, iaitu tidak dapat menyediakan perspektif yang kaya dan terperinci dan kajian kualitatif membantu penyelidik memahami lebih mendalam tentang bentuk permainan yang sesuai digunakan dan digemari oleh murid sindrom down semasa pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.

Kajian ini dilaksanakan di tempat penyelidik iaitu di salah sebuah Rumah Persatuan Sindrom Down yang terletak di Kuala Lumpur. Antara sebab penyelidik memilih lokasi tersebut kerana pergerakan yang sangat terbatas kesan daripada pandemik COVID-19 yang berlaku ketika ini. Penyelidik menggunakan pensampelan bertujuan kerana penyelidik telah meneliti dahulu permasalahan untuk mengumpul data. Peserta yang terlibat adalah seramai 23 orang murid SD yang berumur antara 3 tahun hingga 10 tahun. Murid-murid di rumah persatuan tersebut tidak terlalu ramai dan mereka dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Penyelidik mengambil keputusan untuk menggunakan kesemua murid daripada tempat tersebut memandangkan guru menggunakan kaedah pembelajaran yang sama semasa PdP.

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan borang dapatan penilaian dan borang maklum balas kajian sebagai instrument kajian untuk melihat keberkesanan pendekatan bermain semasa PdP bahasa Melayu dalam kalangan murid SD. Borang penilaian yang dibina akan menilai ketiga-tiga jenis permainan yang digunakan semasa pengajaran bahasa Melayu. Berdasarkan borang tersebut, guru perlu mengisi nama murid dan tarikh. Pada bahagian pemerhatian, guru perlu bulatkan nombor 1,2 atau 3 yang merujuk pada kaedah 1 adalah nyanyian, kaedah dua adalah kinestetik dan kaedah 3 adalah verbal linguistik. Seterusnya, guru perlu mengisi masa ketika melaksanakan aktiviti tersebut supaya menunjukkan aktiviti tersebut dijalankan ketika waktu pengajaran dan pembelajaran. Bagi tahap kebolehan pula, guru hanya perlu mengisi baik atau lemah sahaja. Pada bahagian analisis jika perlu sahaja akan dinyatakan oleh guru jika terdapat masalah yang dihadapi murid berkenaan ketika melaksanakan aktiviti tersebut.

Nama Murid:

Tarikh:

Pemerhatian:

(1) (2) dan (3)

(Bulatkan nombor mengikut pemerhatian)

Waktu Pemerhatian Tahap Kebolehan Analisis
 Menguasai Permainan

Masa:

Jumlah Kekerapan:

Borang maklum balas kajian

Untuk borang maklum balas kajian, guru perlu mengisi borang ini selepas melaksanakan ketiga-tiga set aktiviti tersebut bersama murid-murid ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Borang ini perlu diisi sebanyak 3 kali. Guru hanya perlu bertanya kepada murid yang terlibat secara bersahaja di dalam kelas sambil membuat gaya ketiga-tiga kaedah tersebut.

BORANG MAELUM BALAS KAEDAH PENGAJARAN

TARIKH: _____

BIL.	NAMA	UMUR	JANTINA	KAEDAH PENGAJARAN		
				NYANYIAN	KINESTETIK	VERBAL
1	Ahmad Thoha bin Ahmad Saufi	6 tahun	L			
2	Muhammad Aiman Syafiq bin Norsyaiful Nazlan	5 tahun	L			
3	Muhammad Harith Aryan bin Mohd Oman	6 tahun	L			
4	Nur Seffiyah Malika binti Mohd Rizal	6 tahun	P			
5	Nurin Izzati binti Azahar	4 tahun	P			
6	Umar Adrian bin Azman	6 tahun	L			
7	Abdul Muayyad bin Ibnu'l Hadli	6 tahun	L			
8	'Abdul Fettah bin Mohd Nurhakimin	3 tahun	L			
9	Khaled Anes bin Mohd Khalil	4 tahun	L			
10	Muhammad Firdaus Syamil bin Mulizzudin	4 tahun	L			
11	Muhammad Yusuf bin Yusseri	5 tahun	L			
12	Nur Ayra Bamsyia binti Muhammad Shahan	3 tahun	P			
13	Muhammad Zehin Hakim bin Mohd Zaijornizam	3 tahun	L			
14	Ammar Fakhrullah bin Azmirshahrizal	2 tahun	L			
15	Arjuna Zikrey bin Mohamad Farsouk	5 tahun	L			
16	Muhammad Darwisy Azfar bin Nor Izwan	4 tahun	L			
17	Muhammad Miyaz Arfan bin Muhammad Faruq	3 tahun	L			
18	Farah Meroliyah Bt Rosfadzilah	10 tahun	P			
19	Nurul Eliana binti Mohd Fauzan	6 tahun	P			
21	Siti Umairah binti Muhammad Roslan	4 tahun	P			
22	Nur Farah Ain binti Faizal	5 tahun	P			
23	Wan Syamila Wardah binti Mohd Ali	6 tahun	P			

Jadual 1: Borang maklum balas

Batasan Kajian

Berikutan pandemik COVID-19 yang berlarutan sehingga ke hari ini, pihak kementerian akan mengambil tindakan secara tiba-tiba untuk melaksanakan beberapa Prosedur Operasi Standard (SOP) mengikut peningkatan kes di seluruh Malaysia. Antara kawalan pergerakan yang diperkenalkan adalah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan

Bersyarat (PKPB), Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Darurat (PKPD). Keempat-empat perintah ini sememangnya menyekat beberapa proses penyelidikan untuk melaksanakan kajian dan mengumpulkan data yang banyak. Justeru, pengkaji mengambil keputusan untuk membuat kajian di salah sebuah pusat iaitu pusat di tempat kerja pengkaji sendiri. Ini kerana penyelidik adalah salah seorang guru yang mengajar murid keperluan khas SD. Selain itu, murid yang berada di pusat tersebut tidak begitu ramai dan hanya mempunyai 23 murid sahaja.

4. Dapatan Kajian

Maklumat Demografi Peserta

Kajian ini menggunakan peserta daripada murid keperluan khas SD di salah sebuah Rumah Persatuan Sindrom Down. Seramai 23 murid diambil oleh pengkaji dalam kajian ini. Menariknya tentang peserta kajian adalah dari segi umur mereka yang berbeza bermula umur 3 sehingga 10 tahun. Jadual di bawah menyenaraikan nama murid, jantina dan umur mereka.

BIL	NAMA	UMUR	JANTINA
1	Ahmad Thoha bin Ahmad Saufi	6 tahun	L
2	Muhammad Aiman Syafiq bin Norsyaiful Nazlan	5 tahun	L
3	Muhammad Harith Aryan bin Mohd Oman	6 tahun	L
4	Nur Saffiya Malikaa binti Mohd Rizal	6 tahun	P
5	Nurin Izzati binti Azahar	4 tahun	P
6	Umar Adrian bin Azman	6 tahun	L
7	Abdul Muayyad bin Ibnul Hadi	6 tahun	L
8	'Abdul Fattah bin Mohd Nurhakimin	3 tahun	L
9	Khaled Anas bin Mohd Khalil	4 tahun	L
10	Muhammad Firdaus Syamil bin Muizzudin	4 tahun	L
11	Muhammad Yusuf bin Yusseri	5 tahun	L
12	Nur Ayra Batrisyia binti Muhammad Shahlan	3 tahun	P
13	Muhammad Zahin Hakim bin Mohd Zaipornizam	3 tahun	L
14	Ammar Fakhrrullah bin Azmirshahrizal	2 tahun	L
15	Arjuna Zikriey bin Mohamad Faraouk	5 tahun	L
16	Muhammad Darwisy Azfar bin Nor Izwan	4 tahun	L
17	Muhammad Miyaz Arfan bin Muhammad Faruq	3 tahun	L
19	Farah Mardiyah Bt Rosfadzilah	10 tahun	P
20	Nurul Eliana binti Mohd Fauzan	6 tahun	P
21	Siti Umairah binti Muhammad Roslan	4 tahun	P
22	Nur Farah Ain binti Faizal	5 tahun	P
23	Wan Syamila Wardah bin Mohd Ali	6 tahun	P


Jadual 2: Maklumat demografi peserta

Berdasarkan Jadual 2, menunjukkan seramai 14 orang murid lelaki manakala 8 murid perempuan. Dari segi umur pula, dibahagikan kepada 6 peringkat umur iaitu bermula dengan umur 2 tahun, 3 tahun, 4 tahun, 5 tahun, 6 tahun dan 10 tahun. Bagi murid yang berumur 2 tahun hanya seorang sahaja. Kedua, murid yang berumur 3 tahun seramai 4 orang. Ketiga, murid yang berumur 4 tahun seramai 5 orang. Keempat, murid yang berumur 5 tahun seramai 4 murid. Kelima, murid yang berumur 6 tahun seramai 7 orang. Terakhir, murid yang berumur 10 tahun juga hanya seorang sahaja. Majoriti umur peserta yang paling ramai dalam kajian ini adalah murid yang berumur 6 tahun.

Pelaksanaan Pendekatan Bermain dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Murid Keperluan Khas Sindrom Down

Penyelidikan ini ingin melihat kaedah pendekatan yang boleh dilaksanakan terhadap murid keperluan khas SD dan kaedah yang paling memberi kesan dalam pembelajaran mereka ketika proses PdP dilaksanakan. Rajah di bawah menunjukkan graf bagi tahap penguasaan murid untuk setiap kaedah pengajaran yang dilaksanakan dalam kelas oleh guru di dalam kelas.

TAHAP PENGUASAAN MURID MENGIKUT KAEDAH PENGAJARAN



Rajah 1: Tahap penguasaan murid mengikut kaedah pengajaran

Berdasarkan Rajah 1, terdapat tiga jenis kaedah pengajaran yang dilaksanakan oleh guru ketika pengajaran dan pembelajaran iaitu kaedah nyanyian yang menjalankan aktiviti muzik suku kata, kinestetik adalah aktiviti gaul dan pilih dan verbal linguistik pula aktiviti baling dan sebut. Kajian mendapati kaedah nyanyian mencatat bilangan murid yang paling tinggi iaitu seramai 18 murid menguasai kaedah tersebut dengan baik. Manakala, dua lagi kaedah iaitu kinestetik dan verbal linguistik mencatat seramai 17 dan 13 orang murid. Ini menunjukkan ketiga-tiga kaedah tersebut dapat dikuasai oleh murid tersebut kerana bilangan murid tidak menunjukkan nilai yang jauh berbeza. Hal ini berbeza dengan penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara formal dimana murid tidak begitu berminat dan fokus terhadap pembelajaran dan penguasaan murid dalam kaedah formal adalah sangat lemah. Oleh itu kaedah pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran telah membantu murid menguasai subjek bahasa melayu dan telah memudahkan urusan guru secara tidak langsung dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Kecenderungan Jenis Permainan Mengikut Jantina Murid Keperluan Khas Sindrom Down

Kajian ini ingin melihat kecenderungan jenis permainan yang digemari oleh murid mengikut jantina lelaki dan perempuan. Hasil kajian yang dilakukan oleh pengkaji sebanyak tiga kali dalam bulan yang sama melalui borang maklum balas kaedah pengajaran yang dilaksanakan terhadap murid tersebut menunjukkan kedua-dua jantina lebih cenderung kepada kaedah nyanyian. Merujuk jadual borang maklum balas di bawah, penyelidik telah melaksanakan aktiviti tersebut pada tarikh 3, 15 dan 27 Ogos 2021. Bagi setiap murid telah memberi kerjasama yang sangat baik kepada pengkaji dalam mencapai objektif kajian tersebut.

BIL	NAMA	UMUR	JANTINA	KAEDAH PENGAJARAN		
				NYANYIAN	KINESTATIK	VERBAL
1	Ahmad Thoah bin Ahmad Saufi	6 tahun	L	/		
2	Muhammad Aiman Syafiq bin Norsyaiful Nazlan	5 tahun	L	/		
3	Muhammad Harith Aryan bin Mohd Oman	6 tahun	L	/		
4	Nur Seffiya Malika binti Mohd Rizal	6 tahun	P	/		
5	Nurin Izzati binti Azahar	4 tahun	P	/		
6	Umar Adrian bin Azman	6 tahun	L	/		
7	Abdul Muayyad bin Ibnu Hadi	6 tahun	L	/		
8	'Abdul Fattah bin Mohd Nurhakimin	3 tahun	L	/	/	
9	Khaled Anas bin Mohd Khalil	4 tahun	L	/		/
10	Muhammad Firdaus Syamil bin Muizzudin	4 tahun	L	/		
11	Muhammad Yusuf bin Yusseri	5 tahun	L	/	/	
12	Nur Ayra Batrisyia binti Muhammad Shahlan	3 tahun	P	/		
13	Muhammad Zahin Hakim bin Mohd Zaipornizam	3 tahun	L	/		
14	Ammar Fakhrullah bin Azmirshahrizal	2 tahun	L	/		
15	Arjuna Zikriy bin Mohamed Faraouk	5 tahun	L	/		
16	Muhammad Darwisy Azfar bin Nor Izwan	4 tahun	L	/		
17	Muhammad Miyaz Arfan bin Muhammad Faruq	3 tahun	L	/		
19	Farah Mardiyah Bt Rosfadzilah	10 tahun	P	/		
20	Nurul Eliana binti Mohd Fauzan	6 tahun	P	/		/
21	Siti Umairah binti Muhammad Roslan	4 tahun	P	/		
22	Nur Farah Ain binti Faizal	5 tahun	P	/		
23	Wan Syamila Wardah bin Mohd Ali	6 tahun	P	/		

Jadual 3: Borang Maklum Balas


BIL	NAMA	UMUR	JANTINA	KAEDAH PENGAJARAN		
				NYANYIAN	KINESTATIK	VERBAL
1	Ahmad Thoah bin Ahmad Saufi	6 tahun	L	/		
2	Muhammad Aiman Syafiq bin Norsyaiful Nazlan	5 tahun	L	/		
3	Muhammad Harith Aryan bin Mohd Oman	6 tahun	L	/		
4	Nur Seffiya Malika binti Mohd Rizal	6 tahun	P	/		
5	Nurin Izzati binti Azahar	4 tahun	P	/		
6	Umar Adrian bin Azman	6 tahun	L	/	/	
7	Abdul Muayyad bin Ibnu Hadi	6 tahun	L	/	/	
8	'Abdul Fattah bin Mohd Nurhakimin	3 tahun	L	/	/	
9	Khaled Anas bin Mohd Khalil	4 tahun	L	/		/
10	Muhammad Firdaus Syamil bin Muizzudin	4 tahun	L	/		
11	Muhammad Yusuf bin Yusseri	5 tahun	L	/	/	
12	Nur Ayra Batrisyia binti Muhammad Shahlan	3 tahun	P	/		
13	Muhammad Zahin Hakim bin Mohd Zaipornizam	3 tahun	L	/		
14	Ammar Fakhrullah bin Azmirshahrizal	2 tahun	L	/		
15	Arjuna Zikriy bin Mohamed Faraouk	5 tahun	L	/		/
16	Muhammad Darwisy Azfar bin Nor Izwan	4 tahun	L	/	/	
17	Muhammad Miyaz Arfan bin Muhammad Faruq	3 tahun	L	/		
19	Farah Mardiyah Bt Rosfadzilah	10 tahun	P	/		
20	Nurul Eliana binti Mohd Fauzan	6 tahun	P	/		/
21	Siti Umairah binti Muhammad Roslan	4 tahun	P	/		
22	Nur Farah Ain binti Faizal	5 tahun	P	/		
23	Wan Syamila Wardah bin Mohd Ali	6 tahun	P	/		

Jadual 4: Borang Maklum Balas

BIL	NAMA	UMUR	JANTINA	KAEDAH PENGAJARAN		
				NYANYIAN	KINESTATIK	VERBAL
1	Ahmad Thoah bin Ahmad Saufi	6 tahun	L	/		
2	Muhammad Aiman Syafiq bin Norsyaiful Nazlan	5 tahun	L	/		
3	Muhammad Harith Aryan bin Mohd Oman	6 tahun	L	/		
4	Nur Seffiya Malika binti Mohd Rizal	6 tahun	P	/		
5	Nurin Izzati binti Azahar	4 tahun	P	/		
6	Umar Adrian bin Azman	6 tahun	L	/	/	
7	Abdul Muayyad bin Ibnu Hadi	6 tahun	L	/	/	
8	'Abdul Fattah bin Mohd Nurhakimin	3 tahun	L	/	/	
9	Khaled Anas bin Mohd Khalil	4 tahun	L	/		/
10	Muhammad Firdaus Syamil bin Muizzudin	4 tahun	L	/	/	
11	Muhammad Yusuf bin Yusseri	5 tahun	L	/	/	
12	Nur Ayra Batrisyia binti Muhammad Shahlan	3 tahun	P	/		
13	Muhammad Zahin Hakim bin Mohd Zaipornizam	3 tahun	L	/		
14	Ammar Fakhrullah bin Azmirshahrizal	2 tahun	L	/		
15	Arjuna Zikriy bin Mohamed Faraouk	5 tahun	L	/		/
16	Muhammad Darwisy Azfar bin Nor Izwan	4 tahun	L	/	/	
17	Muhammad Miyaz Arfan bin Muhammad Faruq	3 tahun	L	/		
19	Farah Mardiyah Bt Rosfadzilah	10 tahun	P	/		
20	Nurul Eliana binti Mohd Fauzan	6 tahun	P	/		/
21	Siti Umairah binti Muhammad Roslan	4 tahun	P	/		
22	Nur Farah Ain binti Faizal	5 tahun	P	/	/	
23	Wan Syamila Wardah bin Mohd Ali	6 tahun	P	/		


Jadual 5: Borang Maklum Balas

Merujuk kepada ketiga-tiga jadual (Jadual 3, 4 dan 5), pengkaji telah melakukan penganalisan data kepada dapatan yang lebih jelas. Berpandukan rajah di bawah, pada tarikh 3 Ogos 2021 seramai 10 murid lelaki manakala 7 murid perempuan memilih kaedah nyanyian sebagai pilihan utama dalam kaedah pengajaran yang guru laksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya bagi kaedah kinestetik dan verbal menunjukkan bilangan yang terlalu sedikit iaitu hanya seramai 3 murid lelaki memilih kaedah kinestetik. Juga terdapat seorang murid lelaki dan perempuan memilih kaedah verbal linguistik.



Rajah 2: Borang Maklum Balas


Rajah 2 kajian mendapati pada tarikh 15 Ogos 2021 menunjukkan bilangan yang sama bagi kaedah pengajaran secara nyanyian seperti pada tarikh 3 Ogos 2021 (rujuk Rajah 2), iaitu 10 murid lelaki manakala 7 murid perempuan. Kaedah nyanyian masih menunjukkan kaedah yang paling digemari oleh murid. Manakala bagi kaedah kinestetik dan verbal hanya dipilih oleh murid lelaki iaitu 3 murid memilih kinestetik dan seorang memilih verbal linguistik.



Rajah 3: Borang Maklum Balas

Bagi Rajah 4, hasil maklum balas pada 27 Ogos 2021 menunjukkan bilangan murid yang berbeza sedikit bagi kaedah nyanyian tetapi masih menjadi pilihan utama terhadap kaedah pengajaran yang dilaksanakan oleh guru sewaktu pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Hasil dapatan adalah seramai 13 murid lelaki manakala 7 orang murid perempuan. Walau bagaimana pun, kaedah pengajaran bagi kinestetik menunjukkan seramai 2 murid lelaki

manakala seorang sahaja murid perempuan. seterusnya bagi kaedah pengajaran secara verbal bilangannya adalah kosong yang menunjukkan tiada yang digemari oleh murid.



Rajah 4: Borang Maklum Balas (27 Ogos 2021)

Kaedah Pengajaran Paling Digemari Murid Keperluan Khas Sindrom Down

Hasil dapatan kajian yang dilakukan oleh pengkaji menunjukkan murid keperluan khas SD menggemari kaedah pengajaran terhadap nyanyian. Pengkaji memulakan kajian dengan pelaksanaan aktiviti ketiga-tiga kaedah pengajaran iaitu menyanyikan suku kata, melakukan permainan ‘Gaul dan Pilih’ serta ‘Baling dan Sebut’. Berdasarkan data yang dikumpulkan dan dianalisis, dapatan kajian menunjukkan kaedah nyanyian berada pada tahap penguasaan yang paling tinggi berbanding kaedah yang lain. Selepas itu, pengkaji ada melaksanakan borang maklum balas terhadap murid bagi ketiga-tiga kaedah pengajaran yang telah dijalankan. Pelaksanaan tersebut adalah sebanyak tiga kali, hasilnya kaedah nyanyian mencatat bilangan yang paling tinggi. Sama ada murid lelaki atau perempuan, kedua-duanya menggemari kaedah nyanyian dalam pembelajaran mereka semasa dalam kelas. Kesimpulannya, pelaksanaan aktiviti dan pilihan kaedah pengajaran adalah selari dengan hasil dapatan kajian yang diperolehi pengkaji. Kaedah pengajaran secara nyanyian menjadi pilihan utama murid keperluan khas SD.

Seramai 23 orang murid diambil oleh pengkaji dalam kajian ini. Menunjukkan seramai 14 orang murid lelaki bersamaan 3.22 % dan 8 orang murid perempuan 1.84%. Dari segi umur pula, dibahagikan kepada 6 peringkat umur iaitu bermula dengan umur 2, 3, 4, 5, 6, dan 10 tahun. Bagi murid yang berumur 2 tahun hanya seorang sahaja bersama 0.23%. Kedua, murid yang berumur 3 tahun seramai 4 orang 0.92%. Ketiga, murid yang berumur 4 tahun seramai 5 orang 1.15%. Keempat, murid yang berumur 5 tahun seramai 4 orang 0.92%. Kelima, murid yang berumur 6 tahun seramai 7 orang 1.38%. Terakhir, murid yang berumur 10 tahun juga hanya seorang sahaja 0.23%. Majoriti umur peserta yang paling ramai dalam kajian ini adalah murid yang berumur 6 tahun dengan persamaan 1.38%.

Hasil daripada jadual kaedah pendekatan yang boleh dilaksanakan terhadap murid keperluan khas SD dan kaedah yang paling memberi kesan dalam pembelajaran mereka ketika proses PdP dilaksanakan. Berdasarkan Rajah 2 tahap penguasaan murid mengikut kaedah penguasaan, terdapat tiga jenis kaedah pengajaran yang dilaksanakan oleh guru ketika pengajaran dan

pembelajaran iaitu kaedah nyanyian yang menjalankan aktiviti muzik suku kata, kinestetik adalah aktiviti gaul dan pilih dan verbal linguistik pula aktiviti baling dan sebut.

Kajian mendapati kaedah nyanyian mencatat bilangan murid yang paling tinggi iaitu seramai 18 manakala 4.14% orang murid menguasai kaedah tersebut dengan baik. Manakala, dua lagi kaedah iaitu kinestetik 17 murid dan 3.91. Bagi aktiviti verbal linguistik mencatat seramai 13 murid peratusan pula sebanyak 2.99%. Ini menunjukkan ketiga-tiga kaedah tersebut dapat dikuasai oleh murid tersebut kerana bilangan murid tidak menunjukkan nilai yang jauh berbeza. Melalui dapatan kecenderungan jenis permainan yang digemari oleh murid mengikut jantina lelaki dan perempuan. Hasil kajian yang dilakukan oleh pengkaji sebanyak tiga kali dalam bulan yang sama melalui borang maklum balas kaedah pengajaran yang dilaksanakan terhadap murid tersebut menunjukkan kedua-dua jantina lebih cenderung kepada kaedah nyanyian.

Berpandukan Rajah 2, pada tarikh 3 Ogos 2021, kaedah nyanyian sebagai pilihan utama dalam kaedah pengajaran yang guru laksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran dengan seramai 10 orang murid lelaki bersama 2.3 % serta 7 orang murid perempuan menunjukkan 1.61%. Manakala bagi kaedah kinestetik dan verbal menunjukkan bilangan dan peratus yang terlalu sedikit iaitu hanya seramai 3 orang murid lelaki memilih kaedah kinestetik dan bilangan peratusan sebanyak 0.69%. Akhir sekali menunjukkan dalam memilih kaedah verbal linguistik hanya seorang murid lelaki dan perempuan menunjukkan 0.23%.

Seterusnya kajian mendapati pada tarikh 15 Ogos 2021 (Rajah 3) menunjukkan bilangan dan peratus yang sama bagi kaedah pengajaran secara nyanyian seperti pada tarikh 3 Ogos 2021 iaitu 10 murid lelaki dan 2.3% manakala 7 murid perempuan 1.61%. Bagi kaedah nyanyian masih menunjukkan kaedah yang paling digemari oleh murid. Manakala bagi kaedah kinestetik dan verbal hanya dipilih oleh murid lelaki iaitu 3 murid memilih kinestetik dan seorang memilih verbal linguistik.

Bagi Rajah 4 pada bertarikh 27 Ogos 2021 menunjukkan bilangan dan peratusan di murid yang berbeza sedikit bagi kaedah nyanyian tetapi masih menjadi pilihan utama terhadap kaedah pengajaran yang dilaksanakan oleh guru sewaktu pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Hasil daripada dapatan adalah seramai 13 murid lelaki 2.99% manakala 7 orang murid perempuan sebanyak 1.61%. Walau bagaimanapun, kaedah pengajaran bagi kinestetik menunjukkan seramai 2 murid lelaki sebanyak 0.46% dan seorang sahaja murid perempuan sebanyak 0.23%. Manakala, bagi kaedah pengajaran secara verbal bilangannya adalah kosong.

5. Perbincangan

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti pendekatan kaedah pengajaran yang akan dilaksanakan serta menentukan kaedah pengajaran yang menjadi pilihan dan digemari oleh murid di salah sebuah Rumah Persatuan Sindroom Down di Kuala Lumpur. Kajian ini menggunakan tiga kaedah pengajaran iaitu nyanyian, kinestetik dan verbal linguistik. Pengkaji mengambil 23 peserta iaitu murid lelaki dan perempuan yang berumur di antara 3 tahun hingga 10 tahun. Hasil pelaksanaan aktiviti yang menggunakan ketiga-tiga kaedah pengajaran tersebut murid lebih menguasai dalam kaedah nyanyian, Sama juga pelaksanaan borang maklum balas terhadap kaedah pengajaran yang dilaksanakan, murid lebih menggemari kaedah pengajaran secara nyanyian. Walaupun begitu, murid masih menunjukkan penguasaan yang baik dalam kaedah kinestetik dan verbal linguistik. Murid ini perlu didedahkan dengan pelbagai kaedah pengajaran supaya penguasaan mereka dalam proses pembelajaran tidak terbatas. Sebagai guru adalah menjadi tanggungjawab kepada kita untuk mengenal latar belakang peribadi, minat dan

kecenderungan mereka ketika dalam kelas. Kepelbagaian bahan dan kreativiti guru menjadi asas ketika proses PdP dalam kelas.

Kajian ini dijalankan bagi meneliti persepsi dan pengalaman serta kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi murid SD terutamanya dalam mata Bahasa Melayu. Murid SD ini mempunyai daya pemikiran dan daya ingatan yang lemah. Oleh itu, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian seharusnya dilaksanakan oleh tenaga pengajar bagi menarik minat murid ini untuk terus belajar dan mudah untuk memahami dan mempelajari subjek Bahasa Melayu. Lantaran itu, kaedah permainan dalam pengajaran dan pembelajaran amat penting bagi murid SD. Hal ini demikian kerana murid tidak akan terlepas daripada kegembiraan apabila bermain. Jadi pemilihan alat permainan yang sesuai dapat membantu mereka untuk membesar dengan lebih sempurna dan memberangsakan. Dalam hal ini kaedah permainan yang bersesuaian akan menjadikan murid ini tenang dan seronok sewaktu proses pembelajaran ataupun didikan daripada orang yang bertanggungjawab.

Selain itu, tenaga pengajar haruslah bersikap kreatif dan bijak dalam menyediakan peralatan sebagai alat bantuan mengajar semasa mengajar murid SD. Melalui teknik serta peralatan yang sesuai, mereka tidak akan berasa jemu dan bosan malah akan menjadi pemangkin kepada mereka untuk terus belajar dan berdikari serta dapat membantu pemahaman mereka mengenai kehidupan. Kaedah permainan ini juga dapat membantu murid SD supaya menjadi lebih terbuka dan berkeupayaan memahami hubung kait, sebab dan akibat sesuatu perkara. Terdapat pelbagai jenis permainan seperti permainan selidik dan jelajah, permainan sosial, permainan fantasi, permainan merangsang otot, dan permainan bahasa yang dapat membantu murid SD dalam perkembangan dan pembesaran mereka.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk membantu murid ini ialah dengan memperkenalkan pelbagai jenis permainan kepada mereka antaranya melalui nyanyian, kad pintar, kad imbas bergambar dan sebagainya. Permainan penting untuk membantu tahap kemahiran berfikir setiap murid ini dan membantu pemahaman mereka mengenali kehidupan dalam pengurusan diri. Melalui permainan juga, murid dapat meningkatkan keupayaan dan kecergasan pemikiran melalui pemahaman hubung kait, sebab dan akibat secara langsung dan tidak langsung. Bagi permainan bahasa, dalam permainan murid SD, mereka diajar latihan bahasa seperti meniru gaya bercakap, latihan nyanyian dan bercerita. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan fungsi otak dan pembendaharaan kata murid SD.

Rumusan Dapatan Kajian

Akhir sekali, kajian ini dapat mencapai tujuan kajian seperti dalam bab ini mengenal pasti pendekatan kaedah pengajaran bagimurid keperluan khas SD. Kaedah pengajaran yang di aplikasikan oleh pengkaji adalah nyanyian, kinestetik dan verbal linguistik. Kepentingan daripada kajian ini dapat membantu murid menguasai bahasa Melayu dengan baik. Pengkaji juga ada membincangkan cadangan kajian pada masa akan datang iaitu mencipta aktiviti baru yang bersesuaian mengikut keperluan murid tersebut. Ini dapat membantu guru-guru lain dalam proses PdP di dalam kelas. Penguasaan murid untuk suatu topik dalam kelas harus diberi keutamaan bagi memastikan mereka tidak ketinggalan dalam pembelajaran.

Kanak-kanak yang mempunyai ketidakupayaan seperti yang dibincangkan iaitu murid SD memerlukan perhatian dan penjagaan yang khusus. Mereka memerlukan kasih sayang, perhatian dan kesabaran tenaga pengajar serta ibu bapa. Hal ini memerlukan pengorbanan yang tinggi sehingga boleh menjadikan guru dan ibu bapa atau penjaga hilang semangat, terutamanya bila perkembangan kanak-kanak terbatas. Mendidik kanak-kanak ini adalah

sangat mencabar dan menuntut kesabaran dan komitmen yang tinggi daripada tenaga pengajar. Oleh itu, guru-guru di sekolah pendidikan khas perlu menolong murid seperti ini yang tidak dapat mengikuti pembelajaran harian seperti murid yang biasa. Guru perlu mengenal pasti ketidakupayaan kanak-kanak tersebut berdasarkan ciri-ciri yang diberi dan mengambil tindakan atas apa yang harus dilakukan. Dengan ini, harapan supaya murid yang mempunyai ketidakupayaan seperti SD ini berpeluang mendapat pendidikan awal seperti murid lain dan tidak ketinggalan dalam sistem pendidikan semasa.

Kesimpulan

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti pendekatan kaedah pengajaran yang akan dilaksanakan serta menentukan kaedah pengajaran yang menjadi pilihan dan digemari oleh murid SD di salah sebuah Rumah Persatuan Sindrom Down di Kuala Lumpur. Kajian ini menggunakan tiga kaedah pengajaran iaitu nyanyian, kinestetik dan verbal linguistik. Pengkaji mengambil 23 peserta iaitu murid lelaki dan perempuan yang berumur di antara 3 tahun hingga 10 tahun. Hasil pelaksanaan aktiviti yang menggunakan ketiga-tiga kaedah pengajaran tersebut murid lebih menguasai dalam kaedah nyanyian, Sama juga pelaksanaan borang maklum balas terhadap kaedah pengajaran yang dilaksanakan, murid lebih menggemari kaedah pengajaran secara nyanyian. Walaupun begitu, murid masih menunjukkan penguasaan yang baik dalam kaedah kinestetik dan verbal linguistik. Murid ini perlu didedahkan dengan pelbagai kaedah pengajaran supaya penguasaan mereka dalam proses pembelajaran tidak terbatas. Sebagai guru adalah menjadi tanggungjawab kepada kita untuk mengenal latar belakang peribadi, minat dan kecenderungan mereka ketika di dalam kelas. Kepelbagaian bahan dan kreativiti guru menjadi asas ketika proses PdP di dalam kelas.

Rujukan

- Bird, G. and Buckley, S. (1994). Meeting the Educational Needs of Children with Down Syndrome. Portsmouth: University of Portsmouth. Available Online: <http://www.down-syndrome.net./library/books/meeting-ed-needs/>. Telah di akses pada 1 Mei 2020.
- Kochhar, C. A. & West, L. L. (1996). *Handbook for Successful Inclusion*. Gaithersburg, MD: Aspen.
- Kumin, L. (2003). *Early Communication Skills for Children with Down Syndrome: A Guide for Parents and Professionals*. 2nd Edition. Boston: Woodbine House.
- Napoli, V., Kilbride, J. M., & Tebbs, D. E. (1996). *Adjustment and Growth in a Changing World*. New Jersey: West Publishing Company.
- Nordin Tahir. (2010). *Kanak-Kanak Keperluan Khas*. Ipoh: Penerbitan IPG Kampus Ipoh, Perak.
- Norlia Abd. Aziz, and T. Subahan M. Meerah, and Lilia Halim, and Kamisah Osman, (2006) Hubungan antara motivasi, gaya pembelajaran dengan pencapaian matematik tambahan pelajar tingkatan 4. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 31, 123-141.
- Sharifah Nor Puteh, & Aliza Alias. (2011). Pendekatan bermain dalam pengajaran bahasa dan literasi bagi pendidikan prasekolah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sigman, M. & Ruskin, E. (1999). Continuity and change in the social competence of children with autism, down syndrome, and developmental delays. *Monographs of the Society for Research in Child Development*, 64, v-114.
- Piaget, J. (1951). *Play, Dreams and Imitation in Childhood*. Boston: Heinemann.
- Roopnarine, J. L. & Johnson, J. E. (2005). *Approach to Early Childhood Education*. New Jersey: Pearson Prentice Hall.

- Suraya Bai (2012). Penerapan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran ke atas kanak-kanak sindrom down: Kajian kes. Tesis Dr. Fal. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia:
- Yanhui Pang (2006). Assist parent to facilitate social skills in young children with disabilities through play. *International Journal of Special Education*, 21 (2).
- Wigram, T., & De Backer, J. (1999). *Clinical Applications of Music Therapy in Developmental Disability, Paediatrics and Neurology*. London: Jessica Kingsley Publishers Ltd.
- Zuriahwati Mat Minin. (2012). Penerapan Kemahiran Berfikir dalam Pengajaran dan Pembelajaran Ke Atas Kanak-Kanak Sindrom Down-Kajian Kes. Universiti Sains Malaysia: Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan.
- Che Fong Peng & Mohd Fikri Ismail. (2020). Pelaksanaan pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu murid prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9 (1), 14-25.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2008). Bahasa reseptif dan bahasa ekspresif dalam komunikasi verbal: Pembelajaran Bahasa Melayu kanak-kanak sindrom down. *Jurnal Pengajian Melayu*, 19, 2008
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2014). *Bahasa dalam Komunikasi Kanak-kanak Sindrom Down* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sharifah Nor Puteh & Aliza Ali. (2011). Pendekatan bermain dalam pengajaran bahasa dan literasi bagi pendidikan prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (2), 1-15.
- Siti Zuraidah Saad. (2009). *Pengalaman Ibu Mempunyai Anak yang Mengidap Sindrom Down*. Samarahan: Penerbitan Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia. Universiti Malaysia Sarawak:
- Aliza Ali, Sharifah Nor Puteh & Zamri Mohamad. (2013). Isu Tentang Pendekatan Belajar Melalui Bermain Bagi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kanak-Kanak Prasekolah. https://www.researchgate.net/publication/327953922_Aliza_Ali_Zamri_Mahamod_2015_Development_of_PlayBased_Instruction_Module_for_Teaching_Preschoolers'_Language_Skills. [Telah di akses pada 1 Mei 2021].